

**Ikrar Integriti Vendor kepada Bank Negara Malaysia**

**Ikrar Integriti ini dibuat kepada Bank Negara Malaysia (BNM) mengikut**

.....(Perjanjian) yang ditandatangani (No

Syarikat: \_\_\_\_\_) (Syarikat) and BNM pada.....

1. Saya, .....(No K/P:.....), sebagai wakil yang diberikan kuasa oleh Syarikat mengesahkan bahawa Syarikat and kakitangannya telah membaca dan memahami sepenuhnya kandungan Tatakelakuan Vendor BNM (VCOC) dan dengan ini mengakui bahawa:
  - (a) VCOC adalah sebahagian daripada Perjanjian ini dan dengan itu, VCOC mengikat Syarikat dan Kakitangannya dari segi undang-undang; dan
  - (b) VCOC boleh dipinda oleh BNM dari semasa ke semasa dan Syarikat boleh dimaklumkan tentang hal ini oleh BNM.
  
2. Sejalan dengan keperluan Perjanjian dan VCOC, Syarikat mengisytiharkan bahawa Syarikat dan Kakitangannya perlu:
  - (a) Mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan dan pengawalan yang berkaitan, serta dasar BNM, prosedur dalaman (termasuk VCOC), sebelum, semasa dan selepas tempoh perjanjian;
  - (b) Melaksanakan usaha yang wajar dan penelitian yang munasabah bagi mengelakkan sebarang situasi yang boleh mendorong ke arah konflik kepentingan dan/atau mewujudkan konflik kepentingan sebenar.
  - (c) Melaporkan segera kepada BNM secara bertulis situasi yang mendorong ke arah konflik kepentingan dan/atau konflik kepentingan sebenar.
  - (d) Tidak memperoleh kelebihan yang tidak sesuai atau perlakuan yang cenderung kepadanya dalam hubungan mereka dengan kakitangan BNM (termasuk kakitangan pengurusan yang penting) dan ahli lembaga pengarah;
  - (e) Memaklumkan kepada BNM hubungan Syarikat dengan kakitangan BNM (termasuk kakitangan pengurusan yang penting dan ahli lembaga pengarah, setelah mempunyai maklumat kewujudan sebarang hubungan, yang mungkin boleh mempengaruhi keobjektifan pengendalian perniagaan Syarikat dengan BNM.
  - (f) Membuat pengisytiharan amalan bukan-rasuah yang berkaitan dengan pembayaran khusus yang dibuat oleh BNM kepada Syarikat untuk penyerahan barangan dan perkhidmatan;
  - (g) Tidak memberikan gambaran yang salah tentang keupayaannya bagi mendapatkan kontrak pemerolehan atau semasa penyerahan barangan dan perkhidmatan kepada BNM
  - (h) Beroperasi secara profesional yang mencerminkan imej profesional BNM semasa mengurus niaga dengan BNM dan ketika berada di premis BNM; dan
  - (i) Mematuhi dasar dan prosedur keselamatan BNM ketika memberikan perkhidmatan di premis BNM.

3. Syarikat berjanji untuk memaklumkan kepada BNM dengan segera sebarang pelanggaran dan/atau dituduh/ dicurigai melanggar Perjanjian atau VCOC dan bekerjasama dengan BNM dalam sebarang penyiasatan terhadap pelanggaran tersebut yang melibatkan kakitangan BNM atau Kakitangan Syarikat.
4. Syarikat mengakui bahawa BNM mempunyai hak untuk menggantung atau menamatkan Perjanjian dan tidak membenarkan Syarikat daripada mengambil bahagian dalam kontrak masa depan jika Syarikat telah didapati melanggar sebarang kehendak Perjanjian, VCOC atau sebarang terma dan syarat lain yang mungkin dilaksanakan oleh BNM mengikut Perjanjian.
5. Selanjutnya, Syarikat mengakui bahawa jika berlaku sebarang konflik atau percanggahan antara Perjanjian dan Ikrar Integriti ini, konflik atau percanggahan itu perlu diselesaikan dengan menyatakan peruntukan yang terkandung dalam keutamaan dan hal mendahului Perjanjian melebihi peruntukan yang terkandung dalam Ikrar Integriti.

Pengakuan penerimaan terhadap Ikrar Integriti oleh:

Nama wakil Syarikat:

Tandatangan saksi:

Pangkat:

Nama dan No K/P

Tandatangan

Tandatangan

Tarikh

Tarikh